

02 NOV 1997

Soros

KENYATAAN SOROS BUKTIKAN DR MAHATHIR BENAR, KATA TING

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Kenyataan pembiaya kewangan antarabangsa George Soros tentang perlunya diadakan kawalan terhadap spekulator kewangan yang menyebabkan krisis mata wang di dunia sekarang membuktikan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang benar sejak dahulu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata ini kerana Perdana Menteri sebelum ini telah mengemukakan cadangan supaya satu bentuk kawalan dikenakan ke atas kegiatan manipulasi mata wang.

"Kenyataan Soros ini membuktikan bahawa Perdana Menteri kita memang benar dan tidak diragui lagi seorang pemimpin yang berpandangan jauh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Pertubuhan Kwangsi Sedunia di sini, hari ini.

Ting, yang juga Setiausaha Agung MCA, berkata perkembangan terbaru itu sudah tentu mengukuhkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap Dr Mahathir dan pucuk pimpinan negara.

"Malaysia bersuara di atas keyakinannya (mengenai perlunya kawalan itu) setelah menimbang dengan teliti," katanya sambil berkata pandangan Malaysia bukan semata-mata mencari alasan berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham di negara ini dan negara-negara Asean.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Soros, yang dikatakan kerugian AS2,000 juta akibat kejatuhan pasaran saham dunia minggu lepas, telah menyuarakan pandangan yang sama mengenai perlunya kawalan itu seperti disuarakan oleh Dr Mahathir.

Sementara itu, di NIBONG TEBAL, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini menggesa para pengundi kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap di sini membuktikan sokongan mereka kepada Dr Mahathir dengan terus memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil di kawasan itu.

Katanya kerajaan BN telah membuktikan kemampuan untuk membawa kepada kemajuan ekonomi di peringkat antarabangsa dan sokongan kepada calon BN adalah sebagai kesinambungan kepimpinanan BN di peringkat negeri.

Ketika berucap merasmikan Gerakan Bersama Rakyat peringkat Daerah Seberang Perai Selatan di sini, hari ini, Koh berkata kenyataan Soros mengenai kawalan terhadap spekulator kewangan membuktikan pendirian tepat Dr Mahathir mengenai perniagaan matawang antarabangsa.

Pada perkembangan lain, Dr Koh bersama-sama Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir serta barisan Anggota Exco Kerajaan negeri menghadiri majlis rumah terbuka sempena Deepavali yang dianjurkan oleh Pengerusi MIC negeri Dr K.Rajapathy di Dewan Orang Ramai Taman Chai Leng dekat sini. --

BERNAMA

MNY AA FAZ NAK